

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini susulan daripada Laporan Audit Negara dari tahun 2000, berapakah jumlah tindakan tatatertib atau dakwaan undang-undang yang telah diambil ke atas pihak-pihak yang bertanggungjawab.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Laporan Ketua Audit Negara tahun 2000 hingga 2007, tindakan telah diambil di peringkat kementerian. Tindakan tersebut sama ada berbentuk tindakan tatatertib, surcaj atau tindakan di bawah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dibuat bersama dengan kes selain Laporan Ketua Audit Negara. Oleh itu, data tindakan tatatertib khusus susulan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat diperolehi. Data tindakan yang telah dilaksanakan susulan Laporan Ketua Audit Negara mula dikumpulkan mulai tahun 2008.

Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2012, Jabatan Perkhidmatan Awam telah dipertanggungjawabkan untuk memantau tindakan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas;
- (ii) memastikan tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan rasuah/ jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiannya diambil oleh Lembaga Tatatertib atau pihak yang berkenaan;

- (iii) memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara kepada Ketua-ketua Jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (iv) memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berdasarkan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Laporan Ketua Audit Negara sepanjang 2008 sehingga 2013, **sejumlah 8 pertuduhan yang telah dibawa ke mahkamah** iaitu:

- (a) 3 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2008;
- (b) 4 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2011; dan
- (c) 1 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Tiada pertuduhan bagi Laporan Ketua Audit Negara 2009, 2010 dan Siri 1, 2013.

Manakala bagi **tindakan tatatertib**, seramai 223 pegawai telah dituduh dari tahun 2008 sehingga 2012 dan 26 pegawai dikenal pasti untuk dimulakan prosiding tatatertib bagi tahun 2013, dengan perincian seperti berikut:

- (a) 3 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2008;
- (b) tiada pertuduhan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2009;
- (c) 17 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2010;
- (d) 38 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2011;
- (e) 165 orang dituduh berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2012; dan
- (f) 26 orang dikenal pasti untuk dimulakan prosiding tatatertib berdasarkan Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara 2013.

Sekian. Terima kasih.